



**POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Polisi ini merupakan polisi dalaman Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyokong visi, misi, objektif, etika kerja dan tadbir urus Perpustakaan Negara Malaysia.
- 1.2 Polisi ini merupakan satu kaedah di mana pendedahan boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan –Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan warga PNM.
- 1.3 Pendekatan “*No Wrong Door Policy*” yang diperkenalkan oleh Kerajaan membolehkan rakyat mengemukakan maklumbalas sama ada dalam bentuk cadangan penambahbaikan, aduan dan penghargaan bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan organisasi.
- 1.4 Susulan itu, orang ramai dan kakitangan digalakkan untuk berani tampil sebagai Pemberi Maklumat atau menyalurkan aduan kepada kelakuan tidak wajar (KTW) kakitangan PNM mengikut *platform* yang disediakan. PNM menyokong tindakan berikut dan polisi dalaman PNM ini diwujudkan bagi melindungi Pemberi Maklumat selari dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

2. TAKSIRAN

Dalam konteks Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia ini, perkataan-perkataan berikut ditafsirkan sebagai:

Pemberi Maklumat

Mana-mana orang termasuk warga Perpustakaan Negara Malaysia yang menyalurkan maklumat kelakuan tidak wajar kepada Pegawai Penerima Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia.

Pegawai Penerima Maklumat

Ketua Unit Integriti merupakan Pegawai Penerima Maklumat, atau mana-mana pegawai Perpustakaan Negara Malaysia lain yang dilantik sebagai Pegawai Penerima Maklumat oleh Ketua Pengarah PNM.

Kelakuan Tidak Wajar (KTW)

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tata tertib atau kesalahan jenayah.

Maklumat Sulit

“Maklumat sulit” termasuklah:

- a) Maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat bertugas atau tempat beradanya Pemberi Maklumat.
- b) Maklumat yang didedahkan oleh seseorang Pemberi Maklumat; dan
- c) Maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

Tindakan Yang Memudaratkan

Ertinya merujuk kepada Akta 711 iaitu “Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas.”

3. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan mana-mana orang memberikan maklumbalas berkaitan KTW kakitangan PNM tanpa perlu rasa takut dan gusar mengikut saluran yang disediakan di samping memelihara maklumat sulit Pemberi Maklumat.

4. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan PNM dan juga boleh dijadikan panduan kepada mana-mana individu/organisasi ketika berurusan dengan warga/kemudahan PNM.

5. PERKARA YANG BOLEH DILAPORKAN

5.1 Sesuatu pendedahan boleh dilaporkan sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku yang berikut:

- 5.1.1 Rasuah atau penipuan;
- 5.1.2 Kesalahan jenayah;
- 5.1.3 Salah guna wang atau harta PNM;
- 5.1.4 Kesalahan tatatertib;
- 5.1.5 Kesilapan pengurusan yang melampau dalam PNM; dan
- 5.1.6 Ketirisan kewangan yang serius dalam PNM.

- 5.1.7 Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya atau risiko kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga PNM atau orang awam di sekitarnya;
 - 5.1.8 Mengarah atau menasihati seseorang dengan sengaja untuk melakukan kesalahan-kesalahan seperti yang dinyatakan diatas.
- 5.2 Polisi ini tidak memasukkan isu-isu atau aduan mengenai:
- 5.2.1 Perkara-perkara yang remeh atau tidak serius;
 - 5.2.2 Perkara-perkara yang mempunyai niat jahat atau didorongi oleh agenda peribadi;
 - 5.2.3 Perkara-perkara yang melibatkan pendedahan atau maklumat palsu;
 - 5.2.4 Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan dikenakan tindakan tatatertib;
 - 5.2.5 Perkara yang menunggu tindakan atau penyelesaian oleh Unit Integriti, PNM; dan
 - 5.2.6 Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah atau mana-mana prosiding yang serupa.

6. PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

- 6.1 Seseorang boleh menyalurkan pendedahan KTW kepada Pegawai Penerima Maklumat berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri; sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar dengan syarat bahawa pendedahan sedemikian tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis.
- 6.2 Pendedahan KTW juga boleh diteruskan dalam keadaan seperti berikut :
 - 6.2.1 Walaupun orang yang menyalurkan pendedahan itu tidak dapat mengenal pasti orang tertentu yang berkaitan dengan pendedahan itu;

6.2.2 Walaupun KTW itu telah berlaku sebelum penguatkuasaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat PNM;

6.3 Pendedahan KTW boleh dibuat secara lisan atau bertulis dengan syarat bahawa Pegawai Penerima Maklumat, apabila diterimanya apa-apa pendedahan yang disalurkan secara lisan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengubahnya ke dalam bentuk bertulis.

7. PROSEDUR MENYALURKAN PENDEDAHAN

7.1 Satu pendedahan boleh dilaksanakan dengan menggunakan salah satu saluran seperti berikut :

- (a) E-mel : (Pegawai Penerima Maklumat)@pnm.gov.my;
- (b) Telefon : 03 – 2687 4329;
- (c) E-borang laporan aduan melalui laman sesawang PNM;
- (d) Surat; dan
- (e) Hadir ke pejabat Unit Integriti PNM.

7.2 Satu pendedahan mesti mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti berikut:

- a) Nama;
- b) Nombor kad pengenalan;
- c) Nombor telefon untuk dihubungi;
- d) Alamat e-mel;
- e) Alamat lengkap; atau
- f) Alasan munasabah untuk laporan termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan seperti tarikh, lokasi, jenis kesalahan, identiti pesalah dan lain-lain maklumat yang difikirkan berkaitan.

7.3 Mana-mana maklumat tanpa butiran seperti di perkara 7.2 yang menyebabkan Pemberi Maklumat tidak boleh dihubungi seperti surat layang, Jabatan berhak

mengabaikan atau tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap maklumat yang telah disalurkan itu.

- 7.4 Pemberi Maklumat mungkin akan diminta tampil secara bersemuka (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan yang lebih lanjut mengenai laporan aduan yang telah disalurkan.

8. PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

- 8.1 Setelah pendedahan disalurkan, Pemberi Maklumat akan dilindungi mengikut polisi ini seperti berikut:

- (a) Hanya Pegawai Penerima Maklumat sahaja mengetahui identiti Pemberi Maklumat.
- (b) Sebarang maklumat lanjut diperlukan daripada Pemberi Maklumat oleh mana-mana pihak seperti jawatankuasa siasatan, pihak pengurusan PNM dan sebagainya hendaklah melalui Pegawai Penerima Maklumat sahaja.

8.2 Perlindungan Terhadap Tindakan Yang Memudaratkan

- (a) Tiada seorang pun boleh mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap seseorang Pemberi Maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat itu sebagai tindakan balas terhadap pendedahan KTW.
- (b) Seseorang Pemberi Maklumat boleh menyalurkan aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan sekiranya terdapat apa-apa tindakan yang memudaratkan.

9. PEMBATALAN POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT PNM

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat akan terbatal jika mana-mana Pemberi Maklumat yang menyalurkan pendedahan seperti di perenggan 5.2 di atas dan dengan sengaja mendedahkan identitinya sebagai Pemberi Maklumat.

10. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENERIMA MAKLUMAT

Pegawai Penerima Maklumat hendaklah bertanggungjawab menerima maklumat berkaitan KTW dan menguruskan maklumat tersebut.

11. TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI, PNM

Unit Integriti, PNM setelah menerima maklumat daripada Pegawai Penerima Maklumat hendaklah mengambil tindakan yang wajar berdasarkan peruntukan kuasa sedia ada.


12. PEMATUHAN POLISI

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini hendaklah dipatuhi oleh semua warga PNM.

13. TARIKH KUAT KUASA

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan PNM Bilangan 3 Tahun 2021 pada 30 Mac 2021. Pelaksanaan Polisi ini berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

Saya yang menjalankan amanah,




SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh : 31/3/2021

**CARTA ALIR
MEMBERI MAKLUMAT
KELAKUAN TIDAK WAJAR WARGA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**



CARTA ALIR
PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR
DI BAWAH POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

